

18 NOV 1998

APEC-BERITA-HUBUNGAN (LEAD)/I

DR M: TIADA PERUBAHAN DALAM HUBUNGAN DENGAN A.S.

Oleh: Abdul Rahman Ahmad dan Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini tidak berlaku perubahan dalam hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat walaupun Naib Presiden Al Gore menyatakan sokongannya terhadap pergerakan reformasi yang anti kerajaan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan pada akhir sidang kemuncak keenam Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini.

Beliau telah ditanya sama ada terdapat perubahan dalam hubungan antara Malaysia dan A.S. ekoran kenyataan Gore yang menyokong pergerakan reformasi yang dimulakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam kenyataannya yang dibuat pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec Isnin lalu, Gore menyifatkan mereka yang terbabit dalam pergerakan itu sebagai "rakyat Malaysia yang berani."

Kenyataan beliau telah mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia manakala beberapa orang pemimpin Apec juga merasakan tidak wajar isu sedemikian dibangkit pada forum Apec.

Ditanya sama ada beliau sependapat dengan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa jika berlaku keganasan dalam beberapa hari akan datang maka itu adalah akibat hasutan A.S., Dr Mahathir berkata: "Saya berdiri di belakang menteri luar saya."

Abdullah telah berkata bahawa Malaysia akan menganggap AS bertanggungjawab bagi sebarang gangguan keharmonian yang tercetus daripada sikap tidak bertanggungjawabnya yang mengapi-apikan keadaan huru hara dalam negara yang aman damai ini.

Ditanya sama ada Gore hanya cuba menegaskan tentang ekonomi dan cara bagaimana negara-negara yang terjejas boleh keluar daripada krisis tersebut dengan meningkatkan amalan demokrasi dan ketelusan, Dr Mahathir berkata beliau tidak memahami bahagian ucapannya (Gore) yang ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sudah cukuplah komen yang dibuat tentang ucapan tersebut dan beliau tidak nampak perlunya berkata apa-apa lagi.

Dr Mahathir juga berkata beliau dan Gore tidak mengadakan sebarang perbincangan mengenai keadaan politik di Malaysia.

Tentang kebimbangan yang dilahirkan oleh pemimpin-pemimpin lain mengenai Anwar, termasuk Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa Perdana Menteri Kanada ada bercakap dengan saya dan saya ada bercakap dengannya. Itu saja."

Apabila diajukan soalan sama ada wajar bagi Chretien membatalkan pertemuan dua halanya dengan Dr Mahathir, Perdana Menteri itu berkata beliau tidak dapat mengadakan pertemuan-pertemuan sedemikian dengan semua pemimpin Apec kerana ada 20 orang kesemuanya.

Tentang sama ada beliau merasa terhina menjadi perdana menteri sebuah negara di mana tunjuk perasaan berlaku mengakibatkan ramai pemimpin enggan menemui beliau, Dr Mahathir berkata:

"Sekarang kita lihat tunjuk perasaan di mana-mana, malah semasa sidang kemuncak pemimpin Apec yang lalu dan semasa Chogm (Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel) di Vancouver. Kedua-dua ketika itu saya ada sama dan saya menyaksikan tunjuk perasaan-tunjuk perasaan oleh banyak orang."

Kata beliau seorang pemimpin Apec menyebut bahawa beliau terkejut tidak terdapat askar atau kereta kebal di jalan-jalan raya di sini.

"Mereka (pemimpin Apec) boleh bergerak bebas, membuat perjalanan dari

bandaraya ke Cyberjaya tanpa melihat seorangpun askar atau anggota polis yang siap dengan pistol atau kereta perisai di jalan raya," jelas beliau.

Pemimpin-pemimpin itu menghabiskan masa sehari suntuk di Cyberjaya, bandaraya pintar Malaysia di masa akan datang, yang terletak kira-kira 40km dari sini, untuk beristirahat seperti kelaziman mereka.

Dr Mahathir berkata pemimpin-pemimpin Apec memuji beliau sebab keadaan yang mengagumkan di negara ini kerana berdasarkan laporan media asing, mereka beranggapan negara ini sudah hangus terbakar dan dicengkam rusuhan.

Mengenai sama ada unsur-unsur demokrasi dalam menggalakkan tindakan ekonomi dibicarakan semasa mesyuarat tersebut, Dr Mahathir berkata beliau tidak ingat ada sebarang perbincangan mengenai unsur-unsur demokrasi, "tetapi mereka berbincang tentang keterbukaan, ketelusan dan kawalan yang baik."

-- BERNAMA

ARA/MAM KY MA